

U GB 06-02 00176 BC977

aab

Mahathir

LAWATAN MAHATHIR KE FILIPINA BERHASIL

Daripada Azman Ujang

1

BANDARAYA DAVAO (FILIPINA). 6 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas pulang dari ibu negeri Mindanao hari ini untuk menamatkan lawatan rasmi empat harinya ke Filipina.

Semasa di negara ini, Dr Mahathir berjaya menambat hati rakyat Filipina -- tokoh politik, ahli perniagaan, media dan rakyat biasa berdasarkan sambutan menggalakkan yang diberikan kepada beliau pada pelbagai majlis dan heribu-ribu orang yang keluar untuk menyambutnya.

Pujian yang diberikan kepada Dr Mahathir antaranya, beliau disifatkan sebagai "pemimpin Asia yang tulen.

Keputusan Dr Mahathir melawat wilayah di Filipina Selatan ini pada siri akhir lawatannya membawa makna kepada misinya, membayangkan sokongan padu Malaysia kepada cadangan penubuhan Kawasan Pertumbuhan Asean Timur (EAGA) oleh Filipina untuk meningkatkan hubungan ekonomi antara Mindanao, Sabah dan Sarawak, Indonesia Timur dan Brunei.

Beliau membawa mesej yang jelas dalam beberapa ucapannya -- bahawa masanya sudah tiba untuk mengetepikan perbezaan politik antara Malaysia dan Filipina demi kemakmuran ekonomi. -- Lagi

▼06/02/22-23MST

U GB 06-02 00143 BC978

aab

Mahathir 2 Bandaraya Davao

Dr Mahathir berkata bahawa Malaysia bersedia membantu Filipina mengukuhkan pembangunan ekonominya supaya negara itu dapat mengejar negara-negara Asean yang lain.

Rombongan ahli perniagaan yang mengiringi Dr Mahathir telah memeterai sembilan Memorandum Persefahaman (MOU) untuk pelaburan oleh Malaysia bernilai lebih 10 bilion Peso di Filipina..

Projek-projek itu antaranya ialah peniaanan tenaga, air, infrastruktur, hotel dan pusat perniagaan.

Isu tuntutan Manila terhadap Sabah -- yang menjadi duri dalam daging dalam hubungan Kuala Lumpur-Manila selama lebih 30 tahun -- telah diketepikan dan langsung tidak dibangkitkan dalam rundingan antara Dr Mahathir dan Presiden Filipina Fidel Ramos.

Selepas rundingan dua hala pada Khamis sejurus selepas ketibaan Dr Mahathir, kedua-dua pemimpin sejali lagi bertemu pada hari berikut, kali ini untuk membincangkan rancangan oleh Proton untuk memasang kereta nasional di Filipina.

-- Lagi

▼06/02/22-29MST

aab

Mahathir 3 Bandaraya Davao

Dr Mahathir berkata, beliau amat terharu dengan sambutan yang diberikan oleh rakyat Filipina apabila beribu-ribu orang berbaris di sepanjang jalan menuju ke lapangan terbang di Teluk Subic semalam untuk menyambut beliau dan juga beribu-ribu orang yang membanjiri Lapangan Terbang Antarabangsa Davao hari ini.

Dalam ucapannya kepada kalangan ahli perniagaan dan anggota masyarakat di sini, Perdana Menteri berkata: "Kami percaya bahawa isu politik menjadi semakin kurang penting jika negara menikmati kemakmuran. Jika rakyat sudah makmur, maka mereka tidak sukakan ketidaksatabilan kerana ini akan menjejaskan kemakmuran ekonomi.

"Lebih mudah bagi kita bekerjasama memajukan ekonomi daripada menyelesaikan masalah politik yang kadang-kala menemui kebuntuan," kata beliau.

"Selepas 37 tahun merdeka, ini merupakan lawatan pertama oleh seorang Perdana Menteri Malaysia. Tahun lepas, Presiden Ramos melakukan lawatan negara ke Malaysia untuk bertukar-tukar pendapat mengenai pembangunan ekonomi antara kedua-dua negara".

Beliau berkata, pertumbuhan ekonomi negara-negara Asean telah berkembang pesat kerana perkongsian pengalaman yang membolehkan mereka mengelakkan kesilapan yang dilakukan negara lain. -- Lagi

▼06/02/22-48MST

U GB 06 02 00173 BC979

aab

Mahathir 4 Bandaraya Davao

Kesilapan negara-negara membanqun ialah mengetepikan pelabur asing demi mengekalkan nasionalisme dan kemerdekaan.

Dalam kes Asean, pelabur asing tidak semestinya datang dari luar tetapi dari kalangan negara anggota Asean sendiri. Asean dianggotai oleh Malaysia, Indonesia, Thailand, Singapura, Filipina dan Brunei.

Dr Mahathir berkata, EAGA akan mendapat sokongan kuat daripada Malaysia yang telahpun melantik sekumpulan pegawai bagi mempercepatkan pelaksanaannya.

Beliau menyifatkan Mindanao sebagai wilayah yang cukup berpotensi bukan sahaja dalam sektor pertanian dan pelancongan tetapi juga dalam industri lain.

Dr Mahathir berkata, tenaga buruhnya yang besar membolehkan industri-industri baru ditempatkan di sini. -- Lagi

▼06/02/22-49MST

CNS9238

U GB 06-02 00124 BC932

aab

Mahathir 5 Bandaraya Davao (Ulangan)

Lebih banyak orang akan membeli barangan daripada wilayah-wilayah yang baru berkembang ini dan ini akan meningkatkan perdagangan di kalangan negara Asean.

Beliau berkata tumpuan juga harus diberi bagi meningkatkan perdagangan antara Malaysia-Filipina yang kini masih kecil tetapi dengan adanya EAGA, kedua-dua pihak boleh mengenal pasti barangan yang boleh dibeli dan jual antara satu sama lain.

Paul Dominguez ketika memberi taklimat kepada Dr Mahathir berkata Presiden Ramos memberi tumpuan khas kepada pembangunan Mindanao.

EAGA bukan retorik. Dominguez berkata para pegawai akan bertemu di sini bulan depan bagi menyiapkan butiran mengenai Memorandum Persefahaman.

Ini akan diikuti dengan pelancaran Majlis Perniagaan Asean Timur di sini pada Mei. -- Lagi

CNS9242

R GB 06-02 00140 BC983

aab

Mahathir 6 (akhir) Bandaraya Davao

Beliau berkata. "Lawatan tuan yang bersejarah ke Filipina merupakan petanda yang jelas dan memberi kesan positif dalam jangka masa panjang terhadap pembangunan EAGA. Tuan bukan sahaja membawa para pegawai dan pelabur Malaysia ke Mindanao, tuan juga telah memusatkan perhatian dunia kepada Mindanao dan EAGA".

Terdahulu, dalam ucapan beliau setibanya di lapangan terbang Davao, Dr Mahathir berkata beliau gembira berada di Mindanao bersama-sama saudara-saudara serumpun".

Dr Mahathir juga dihadiahkan kunci bandaraya Davao oleh Datuk Bandar Rudy Deterte.

Beliau juga menyaksikan upacara menandatangani satu lagi Memorandum Persefahaman antara Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Tabung Haji) dan Yayasan Haji dan Tabung Filipina.

Kedua-dua agensi bersetuju bekerjasama bagi membolehkan umat Islam dari Filipina Selatan menunaikan haji seperti dikendalikan oleh Tabung Haji. --
Bernama

AU FAZ

▼06/02/23-06MST